

UCAPAN PRESIDEN UMNO MERANGKAP
PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO YANG KEDUA PULUH LIMA
DI DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON,
KUALA LUMPUR PADA 29HB JUN, 1974

Bismillahir-Rahmanir-Rahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara Pengerusi, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara perwakilan sekalian.

Pada hari yang berbahagia ini, kita bersama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan berkat taufik dan hidayahNya, kita dapat sekali lagi beramai-ramai menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang kedua puluh lima ini.

Saya suka mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara para perwakilan yang datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri Perhimpunan Agung tahun ini. Barangkali ramai juga antara para perwakilan yang datang awal-awal lagi semasa Pesta Pembangunan dan seterusnya Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang berlangsung baru-baru ini. Oleh itu, boleh dikatakan Perhimpunan Agung kita ini mempunyai sempena dan erti yang penting menyusul dua peristiwa bersejarah bagi negara kita. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang memberkati Perhimpunan Agung kita yang kedua puluh lima ini dan menunjukkan kita kepada jalan kejayaan dan kebahagiaan.

Semenjak Perhimpunan Agung kita tahun lalu, beberapa peristiwa penting telah berlaku yang membawa perubahan kepada Parti dan Negara. Peristiwa yang amat menyedihkan kita sekalian ialah kehilangan Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail. Kematian Allahyarham itu adalah satu kerugian besar kepada kita, lebih-lebih lagi pada diri saya sendiri. Allahyarham ialah seorang patriot sejati, seorang tokoh nasionalis Melayu yang berkaliber besar, berani dan tegas tetapi berdisiplin serta patuh

kepada pendapat ramai. Allahyarham ialah seorang yang benar-benar taat setia kepada Perlembagaan UMNO dan Negara sepanjang hayatnya. Allahyarham adalah menjadi contoh pemimpin dan rakyat yang mempertahankan "rule of law" iaitu undang-undang Parti dan Negara. Sesungguhnya kembalinya Allahyarham ke alam baqa' itu sangat dirasai oleh saya sendiri apatah lagi oleh keluarganya. Allahyarham ialah sahabat karib saya di luar dan dalam Parti dan Kerajaan. Jasa-jasa Allahyarham memelopori kebangkitan kebangsaan Melayu dan memperjuangkan kemerdekaan tanahair tidak ternilai harganya dan akan diukir dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Saya rasa sebesar kehormatan setiap rakyat boleh berikan kepada nama dan roh Allahyarham ialah bagi kita orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya menjadikan Tun Dr Ismail sebagai contoh dan tauladan seorang pemimpin dan rakyat yang berguna kepada negara. Marilah kita mengingati beliau dan berdoa kepada Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan dicucuri rahmatNya ke atas roh Allahyarham dan juga ke atas roh pemimpin-pemimpin Melayu lain yang telah berjasa kepada Bangsa, Negara dan Ugama.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Hussein Onn yang telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Beliau ialah seorang tokoh yang telah lama berjuang dalam UMNO. Saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa beliau akan dapat menjalankan tugas yang berat itu dengan jujur dan penuh dedikasi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti Perhimpunan Agung tahun lepas, ini adalah Perhimpunan Agung biasa, tidak ada pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden dan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO. Pada masa hadapan ini haruslah kita akan kehilangan satu dua tokoh-tokoh yang biasa dengan kita di Perhimpunan Agung dan tokoh-tokoh baru akan timbul. Tahun ini Johor menaikkan dua orang tokoh baru iaitu Datuk Ali Haji Ahmad dan Datuk Mohamad Rahmat. Tetapi saya fikir kedua-dua tokoh ini tidak akan dapat menandingi Tan Sri Sardon tentang kehalusan bahasa aslinya. Penghormatan saya kepada Tan Sri Sardon sangatlah tinggi. Oleh sebab itulah beliau telah dipilih

untuk menjadi Menteri Pengiring kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung dalam lawatan Duli-Duli Yang Maha Mulia ke England pada bulan hadapan.

Saya mendapat tahu bagi menyempurnakan tugas beliau yang berat itu, Tan Sri Sardon sekarang sedang giat mempelajari "Queen's English" dan "BBC English". Saya suka pesan kepada sahabat karib saya itu iaitu satu syarat utama untuk menguasai "Queen's English" ialah orang itu mesti bertutur dengan mulutnya tertutup dan had lajunya bercakap seperti tembakan senapang patah dan tidak seperti tembakan mesin-gun. Saya harap Tan Sri Sardon akan ingat petua saya ini.

Saudara-saudara sekalian.

Melihat ramainya bilangan wakil yang hadir hari ini, jelaslah parti kita sekarang dalam keadaan yang kukuh dan kuat. Perpaduannya bertambah teguh, pandangan rakyat terhadapnya semakin meningkat. Ramai bakat baru di samping ahli-ahli lama atau veteran memberikan nafas baru serta kekuatan kepada Parti UMNO untuk menghadapi cabaran-cabaran tahun 1974 dan tahun-tahun berikutnya. Bilangan ahli-ahli terutama di peringkat Bahagian, jika dibandingkan dengan tahun-tahun sudah boleh dikatakan luar biasa sedikit tetapi ini bolehlah disifatkan sebagai perkembangan yang sihat sesuai dengan keadaan hari ini. Namun begitu, kita haruslah sentiasa berwaspada supaya sebarang perbuatan yang boleh merosakkan proses demokrasi yang sihat dalam Parti tidak berleluasa sehingga merosak pula sistem pemerintahan secara demokrasi berparlimen dalam negara kita.

Hari ini keadaan dan structure politik tanahair telah berubah corak. Kita akan menghadapi Pilihanraya dalam suasana baru di mana UMNO dan parti-parti seperjuangan dengan kita akan bertanding atas nama Barisan Nasional dan tidak lagi atas nama Perikatan. Ini adalah satu perubahan yang besar dan penting kerana kita semua sedar kita akan menghadapi cabaran baru hasil dari suasana politik yang telah bertukar itu. Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna UMNO tidak mampu menghadapi keadaan perubahan ini dengan sendiri atau dengan bentuk Perikatan dahulu. UMNO dan Perikatan mampu berbuat demikian untuk mempertahankan kekuasaan politik yang ada di tangan kita sekarang ini.

Tetapi, kita berjuang bukan hanya sekadar hendak berkuasa semata-mata. Kita berjuang kerana hendak benar-benar melahirkan satu rupabangsa Malaysia yang bersatupadu, bersendikan Rukunegara dan keperibadian kita sendiri. Maka itu kita merasa mustahak memupuk semangat Malaysia yang kita harap akan menjadi sifat semua rakyat kita pada masa hadapan. Jentera politik yang sebaik-sebaiknya untuk mencapai matalamat ini ialah melalui Barisan Nasional. Dengan kata-kata lain, Barisan Nasional adalah asas baru politik di Malaysia ini.

Kita sangat teliti dalam hal ini, iaitu mula-mula kita tubuhkan Kerajaan Campuran antara Parti Bumiputra/Perikatan dengan SUPP di Sarawak, kemudian antara Gerakan dan Perikatan di Pulau Pinang, PPP dan Perikatan di Perak dan antara Perikatan dengan PAS di Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan seterusnya di peringkat Pusat dan, setelah diadakan beberapa rundingan, Parti-parti dalam Kerajaan Campuran telah bersetuju bergerak bersama dalam Barisan Nasional. Lahirnya Barisan Nasional ini adalah kemuncak strategi politik kita dalam tahun-tahun tujuh puluhan.

Tentu ada orang yang bertanya, apakah Barisan Nasional itu? Barisan Nasional ialah satu Gabungan Parti-parti politik atau Confederation of political parties yang menerima konsep dan dasar yang diperjuangkannya. Seperti dimaklum, dasar perjuangan Barisan Nasional ialah membentuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang kuat, bersatupadu dan harmonis; berusaha mencapai kemajuan kebendaan dan rohaniah; mendukung prinsip-prinsip Rukunegara untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama untuk semua rakyat. Pada masa ini, keanggotaan Barisan Nasional terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, Perikatan Sarawak, Perikatan Sabah, SUPP, Gerakan Rakyat Malaysia, PPP dan PAS. Parti-parti politik yang lain boleh menjadi ahli Barisan Nasional jika dipersetujui dengan sebulat suara oleh sembilan anggota asal Barisan Nasional itu.

Saya suka mengumumkan iaitu kesembilan Parti dalam Barisan Nasional telahpun bersetuju hendak menggunakan "Neraca" sebagai simbol Pilihanraya Umum akan datang. Neraca ini berwarna emas dengan latar belakangnya berwarna biru. Saya percaya, dengan berkat Tuhan, simbol pilihanraya Barisan Nasional ini akan mendapat sokongan penuh daripada pengundi-pengundi.

Saya juga berharap, demi untuk mencapai kemakmuran hidup dan keamanan negara, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, dan rakyat Bumiputra terutamanya, akan memberi kepercayaan penuh kepada Barisan Nasional dan ahli-ahli serta penyokong-penyokong Barisan Nasional mestilah meneruskan perjuangan Parti masing-masing dengan lebih dedikasi lagi daripada masa-masa yang lampau. Parti-parti dalam Barisan Nasional haruslah memperbaiki lagi sifat, peribadi dan semangat patriotism ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya. Mereka hendaklah mempunyai ketabahan dan keazaman kebangsaan yang kuat untuk menentukan structure politik dan ekonomi Malaysia di masa hadapan.

Akhir-akhir ini nampaknya demam pilihanraya mula merebak. Ramai yang sedang meramalkan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi. Sebenarnya saya belum lagi mendapat "ilham" bila Pilihanraya Umum akan diadakan, tetapi saya sukalah bayangkan kepada saudara-saudara bahawa Pilihanraya Umum tidaklah begitu jauh seperti setengah-setengah orang menyangka dan tidaklah pula dekat sangat seperti ramai orang bertaruh. Namun begitu, saya mintalah saudara-saudara, setelah pulang dari Perhimpunan Agung ini membuat persediaan seolah-olah kita akan adakan Pilihanraya tidak lama lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Untuk menentukan Parti kita dan Barisan Nasional menang dalam Pilihanraya Umum dengan cemerlangnya, maka kita haruslah sentiasa menyesuaikan diri dan dasar kita dengan hasrat rakyat dan menerima perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh zaman. Kita bersedia memberi peluang kepada jenerasi-jenerasi muda untuk menceburkan diri dalam UMNO dan saya sukacita melihat ramai orang-orang muda yang berjuang dalam UMNO hari ini. Kepada mereka ini saya suka menasihatkan supaya mereka betul-betul memahami konsep "Bersatu, Bersedia dan Berkhidmat" dan mereka mestilah patuh kepada dasar dan perjuangan Parti. Orang-orang veteran atau "order lama" dalam UMNO diharapkan menggunakan tenaga dan fikiran orang-orang muda sepertilah juga mereka yang muda dan baru dalam Parti mestilah mendapat bantuan dan bimbingan daripada ahli-ahli veteran supaya mengelakkan pecah belah dan perselisihan faham dalam Parti kita.

Saudara-saudara sekalian.

Berikutan dengan arahan saya tahun lepas supaya diperkemas lagi jentera Parti kita di semua peringkat, beberapa perubahan telah dan sedang berlaku terutama sekali di peringkat Bahagian. Sungguhpun demikian, saya rasa pejabat-pejabat kita di peringkat Bahagian masih belum lagi memberikan perkhidmatan yang sepenuhnya kepada masyarakat. Saya ingin melihat usaha-usaha yang lebih giat lagi dijalankan untuk menjadi Pejabat Bahagian UMNO sebagai "nadi" perkhidmatan Parti bagi tiap-tiap kawasan Parlimen. Saya juga suka menasihatkan semua Wakil Rakyat kita supaya memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat dan menemui mereka di pejabat-pejabat UMNO. Masanya telah tiba bagi semua Wakil Rakyat mempunyai sistem kerja yang lebih teratur dan tersusun serta mempunyai hubungan erat dengan Bahagian masing-masing. Saya tahu ada wakil rakyat kita yang tidak pernah menjejak kaki ke pejabat-pejabat UMNO Bahagian sehinggalah tiba Pilihanraya.

Sikap dan cara kerja seperti ini tidaklah sesuai dengan usaha kita menjadikan Pejabat Bahagian sebagai nadi perkhidmatan Parti. Saya berharap mulai dari sekarang, semua Wakil Rakyat UMNO dan juga Perikatan akan dapat menjadikan Pejabat Parti sebagai Pejabat Wakil Rakyat. Cara ini akan mendekatkan lagi hubungan Parti dengan rakyat, di samping memudahkan kita menyelaraskan semua kegiatan Parti dengan kegiatan Wakil-wakil Rakyat sekalian.

Saya juga sedar masih ada beberapa Bahagian yang belum mempunyai pejabatnya yang sempurna. Saya percaya perkara ini dapat diatasi dengan kerjasama Wakil-wakil Rakyat di Bahagian tersebut di samping bantuan dari Perhubungan Negeri. Saya berharap Ketua-Ketua Perhubungan Negeri akan mengkaji hal ini dan mencari jalan untuk membina bangunan Pejabat UMNO di Bahagian-bahagian yang belum mempunyai bangunannya sendiri. Parti kita telah wujud lebih dari dua puluh lapan tahun dan sudah sepatutnya Parti mempunyai organisasi yang teguh dan pejabat yang sempurna. Saya percaya Jawatankuasa Perhubungan Negeri dapat berikhtiar untuk menolong mana-mana Bahagian mengadakan sebuah bangunan yang sesuai untuk pejabatnya. Hanya dengan adanya sebuah pejabat yang sempurna dan aktif, barulah kita dapat benar-benar memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di tiap-tiap kawasan pilihanraya.

Pada masa ke hadapan ini, pejabat-pejabat Bahagian terutamanya akan menjadi lebih aktif dan sibuk lagi dengan wujudnya Barisan Nasional. Parti kita sebagai tulang belakang Barisan Nasional haruslah mengubahsuaikan kedudukan kita untuk membolehkan kita memainkan peranan yang lebih besar dan lebih berat lagi.

Peranan kita sebagai tulang belakang Barisan Nasional bukan sahaja bertambah berat daripada peranan semasa di dalam Perikatan bahkan juga akan bertambah rumit lagi oleh kerana proses politik hari ini bertambah complex dan sophisticated. Cara-cara baru untuk menghadapi masalah rakyat bersama-sama rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional haruslah diwujudkan bukan saja untuk menarik pengundi-pengundi supaya terus kekal menyokong Parti kita bahkan juga untuk memberi keyakinan penuh kepada penyokong-penyokong anggota Barisan Nasional yang lain bahawa Parti kita sentiasa berpegang kepada prinsip demokrasi serta bersikap adil dan saksama. Sesuai dengan peranan baru ini juga kita akan mengadakan program-program yang benar-benar tersusun untuk membolehkan kita memberikan perkhidmatan yang luas serta berkesan kepada seluruh masyarakat. Peranan kita di peringkat Bahagian sangat mustahak dilaksanakan dengan sempurna sebagai pemimpin di peringkat itu. Sekiranya kita tidak dapat menyesuaikan perjalanan UMNO dengan kehendak-kehendak baru ini, saya khuatir sumbangan kita kepada Barisan Nasional tidak benar-benar berkesan sepertimana yang dikehendaki.

Saudara-saudara sekalian.

Selaras dengan peranan baru ini, cara-cara perjalanan Parti kita juga akan diperbaharui melalui beberapa pindaan kepada Perlembagaan UMNO. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bertujuan memperkuat lagi tenaga Parti kita pada keseluruhannya untuk membolehkan kita bergerak dengan lebih cergas dan efektif menghadapi cabaran-cabaran masa akan datang. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini saya percaya akan memperkemaskan lagi pergerakan parti kita. Pindaan yang penting sekali yang akan kita bahaskan dalam Perhimpunan Agung ini ialah berkenaan dengan bilangan wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung dan juga wakil Cawangan untuk Mesyuarat Perwakilan Bahagian. Mengikut pindaan ini, kita akan mengadakan had maksima bilangan perwakilan yang boleh hadir dalam Persidangan Bahagian dan Perhimpunan Agung. Jika dahulu, kita berdasarkan kepada jumlah

ahli-ahli tanpa ada hadnya, maka sekarang kita fikir mustahak menghadkan bilangannya.

Di masa-masa yang sudah-sudah, jika sesebuah Bahagian itu mempunyai ramai ahli maka ramailah pula perwakilannya. Peraturan ini akan diubah kepada sistem baru iaitu tiap-tiap Bahagian tidak boleh menghantar lebih daripada sepuluh orang wakil ke Perhimpunan Agung walaupun bilangan ahlinya ramai. Ini bermakna sekiranya Bahagian itu mempunyai 20,000 orang ahli, perwakilannya tidak lebih dari sepuluh orang dan sekiranya Bahagian itu mempunyai 5,000 ahli, perwakilannya ialah sepuluh orang juga. Had maksima ini juga dikenakan kepada Mesyuarat Perwakilan Bahagian, iaitu Cawangan-cawangan tidak boleh menghantar lebih dari lima orang wakil walaupun ahlinya lebih daripada 250 orang.

Satu pindaan lagi ialah bagi membolehkan mana-mana Bahagian yang tidak dapat menjelaskan yurannya dalam masa yang tertentu menghantar wakilnya ke Perhimpunan Agung tetapi perwakilannya hendaklah terdiri dari Ketua Bahagian sahaja tetapi dia tidak mempunyai hak mengundi ataupun bertanding untuk sebarang jawatan di Perhimpunan Agung. Saya percaya cara ini bukan sahaja akan mendorong Bahagian-bahagian UMNO menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna bahkan akan menghalang Bahagian yang tidak berjalan dengan sempurna untuk mendapat hak yang sama sebagaimana Bahagian-bahagian lain yang patuh kepada Perlembagaan UMNO.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, sejak tumbuhnya kesedaran baru di peringkat Bahagian, nampaknya telah timbul bermacam-macam tektik yang dilakukan oleh golongan kecil untuk merebut kuasa. Satu cara yang dilakukan mereka ialah mempengaruhi ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian menyuarakan undi tak percaya terhadap Ketua Bahagian untuk menyingkirkannya dan mencalonkan Ketua yang baru. Hal seperti ini tidak berlaku di masa lalu tetapi saya nampak perbuatan seperti ini akan merebak jika kita tidak mengawalinya dari sekarang.

Untuk mengatasi masalah ini, Perlembagaan UMNO telah dipinda supaya menghalang perbuatan seperti ini daripada berlaku. Ini bermakna ahli-ahli Jawatankuasa tidak berhak lagi menyingkirkan Ketua Bahagian kecuali Majlis Tertinggi UMNO memersetujuinya. Dengan yang demikian, dasar demokrasi yang kita

junjung dalam UMNO di mana tiap-tiap wakil mempunyai hak mengundi sentiasa terpelihara. Selain dari pindaan-pindaan yang besar ini untuk menjamin keutuhan Parti dan proses demokrasi dalam Parti kita, Majlis Tertinggi juga telah mencadangkan beberapa pindaan kecil yang tidak melibatkan perubahan dasar Parti.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam hal ini, hanya saya suka menggesa ahli-ahli Parti supaya menjunjung tinggi Perlembagaan kita. Jika Perlembagaan itu dipersendakan oleh mana-mana golongan, sudah tentu kekuatan Parti kita akan terjejas dan masa depan kita terancam. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada seluruh perwakilan supaya memahami semangat dan tujuan Majlis Tertinggi mencadangkan pindaan-pindaan ini dan saya juga menyeru saudara-saudara sekalian supaya memberikan sokongan penuh kepada pindaan-pindaan ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara itu bergantung kepada pimpinan politik yang efektif dalam suasana politik yang aman dan tenteram. Pembangunan bermakna tindakan-tindakan dan perubahan-perubahan sosial dan segala tindakan dan perubahan ini sudah tentu akan membawa berbagai reaksi ke atas structure ekonomi dan masyarakat.

Oleh kerana adanya pertalian erat antara kesetabilan politik dengan pimpinan yang efektif, serta pentingnya dasar-dasar negara dilaksanakan dengan jayanya, maka perlulah kita mengatur dan menyusun strategi pelaksanaan sesuai dengan kehendak-kehendak baru itu. Dalam ertikata ini, saya seringkali mengarahkan jentera Parti kita di semua peringkat supaya menyedari hakikat politik dan kehendak-kehendak pembangunan dan keselamatan. Pendek kata, untuk membolehkan kita terus menerus memegang teraju pimpinan politik di negara ini, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada dasar perjuangan kita dan melakukan tindakan-tindakan politik yang menjadikan Parti kita benar-benar efektif dalam menyatukan dan menggembelinkan seluruh tenaga rakyat untuk pembangunan.

Dalam keadaan negara kita yang masih muda ini, amatlah penting dan mustahak hubungan yang lebih rapat di antara Parti dengan pentadbiran kerana tanpa perhubungan yang rapat ini, kita

tidak dapat mempesatkan pembangunan sesuai dengan jadual waktu kita. Oleh itu, saudara-saudara sekalian hendaklah memberi perhatian yang berat atas perkara ini dan merangka cara-cara baru untuk membolehkan UMNO menjadi jambatan yang akan menghubungkan kita dengan Parti-parti lain, atas dasar pembangunan negara dan perpaduan rakyat. Kita sedar dan faham kerumitan mungkin timbul dalam menjalankan peranan baru ini, tetapi demi kepentingan pembangunan negara untuk perpaduan rakyat, segala kerumitan ini tidaklah menjadi masalah kepada kita. Sebaliknya kita semua yakin bahawa Parti kita mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk benar-benar menjadi jambatan itu dan kita mestilah menggunakan keupayaan kita untuk meneruskan proses pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian.

Dua puluh lapan tahun dahulu, dalam Perhimpunan Agung kita yang pertama, kita telah berikrar bahawa UMNO akan memelihara dan mempertahankan negara; mempertahankan, menegak dan mengembangkan Ugama Islam di samping membenarkan kebebasan beragama; mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi; mewujudkan satu bangsa yang kuat dan bersatu pada melaksanakan rancangan-rancangan bagi memajukan ekonomi rakyat terutama sekali rakyat yang mundur iaitu orang-orang Melayu dan Bumiputra, dan mewujudkan masyarakat adil, modern dan maju.

Di atas dasar inilah kita telah berjaya mendapatkan sokongan orang-orang Melayu, dan kemudiannya menarik orang-orang Melayu, dan kemudiannya menarik orang-orang China dan India bersatu dalam Perikatan untuk kejayaan dan kemajuan. Dasar-dasar ini, masih kekal dan belum berubah, walaupun banyak daripadanya telah kita laksanakan dan mencapai hasilnya.

Pada hemat saya, dalam Perhimpunan Agung kita yang ke dua puluh lima ini, eloklah kita mengulangi lagi ikrar mendukung dasar-dasar yang telah diberkati Tuhan dengan kejayaan itu. Ikrar suci yang kita lafazkan dua puluh lapan tahun dahulu pada asasnya ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang berdasarkan kerjasama di antara semua kaum dan bukan persaingan, di mana kekayaan negara adalah untuk rakyat; di mana perhubungan masyarakat adalah berdasarkan hak sama atau equality dan perhubungan di antara bangsa berdasarkan saling menghormati atau "mutual respect" dan ingin bersahabat dengan semua negara,

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita kaya raya dalam semua aspek tetapi masih ada lagi dalam negara kita yang dikasihilah ini segolongan rakyat yang masih berada dalam keadaan daif dan miskin terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dan juga di kawasan sesak di pinggir bandar. Tiada siapa dapat menafikan bahawa taraf hidup rakyat telah bertambah tinggi sejak dua puluh tahun lalu, tetapi belumlah terdapat pembahagian kekayaan negara yang adil dan saksama. Kedua-dua keadaan inilah yang sekarang menjadi matalamat utama perjuangan Parti kita dan Kerajaan hari ini supaya rakyat yang kurang bernasib baik itu mendapat tempat yang sempurna. Sebagaimana yang pernah saya katakan, Rancangan Malaysia Kedua yang memasuki tahun keempat pelaksanaannya merupakan langkah pertama ke arah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Oleh itu, semasa menyusun Rancangan Malaysia Ketiga eloklah kita mengkaji semula strategi-strategi politik kita untuk memastikan supaya hasrat rakyat dipenuhi dalam rancangan ketiga itu. Saya suka berterus terang di sini bahawa kita sekarang ini telah masuk ke zaman ekonomi kewangan dan sebagai sebuah negara muda yang belum banyak mempunyai pengalaman, kita mestilah menyelesaikan segala masalah kita untuk membolehkan kita menjadi sebuah negara perindustrian yang berjaya.

Sebagai Parti yang berkuasa, adalah menjadi tanggungjawab kita menentukan bahawa kita dapat mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru kita dan melahirkan suasana hidup yang aman dan harmonis dan saksama. Setiap pekerja akan mendapat pendapatan yang seimbang dengan pekerjaannya dan setiap rakyat mendapat peluang pelajaran dan latihan yang sewajarnya. Matalamat masyarakat adil yang saya sebutkan tadi akan menghendaki kita menentukan keutamaan untuk tindakan kita. Matalamat kita ini tidak akan dapat dicapai dalam masa lima atau sepuluh tahun, tetapi kita boleh mengadakan tapak yang sesuai bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita negara aman, stabil dan makmur.

Saudara-saudara sekalian.

Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sudahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan Penyata Ekonomi Perbendaharaan. Kajian Pertengahan Penggal ini telahpun dibahaskan dan diterima oleh

Parlimen. Begitu juga Penyata Ekonomi yang menunjukkan angka-angka pencapaian terakhir dalam kedua-dua sektor pertanian dan perindustrian.

Kita bersyukur dengan izin Allah Subhanahuwataala tahun lalu melihat perkembangan-perkembangan yang pesat di bidang ekonomi iaitu berpunca dari pengeluaran yang bertambah meningkat serta harga pasaran yang tinggi bagi hasil negara bahan-bahan eksport kita seperti getah, kelapa sawit dan kayu.

Dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita telah berjaya memenuhi matalamat objektif pertama membasmi kemiskinan dengan angka lebih 350,000 peluang pekerjaan baru iaitu lebih separuh daripada angka 600,000 bagi tempoh lima tahun. Begitu juga di bidang kemajuan tanah, hampir 100,000 ekar tanah baru telah dibuka di bawah rancangan FELDA dan lebih 200,000 ekar tanah mendapat kemudahan parit dan taliair untuk dimajukan bagi tanaman padi dua musim.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mempesatkan aktiviti ekonomi orang-orang kita boleh dikatakan sangat berhasil dengan kejayaan yang dicapai oleh PERNAS, UDA, Perbadanan Ekonomi Negeri, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Saudara-saudara yang telah berpeluang melawat Pesta Pembangunan Kebangsaan baru-baru ini dapat menyaksikan sendiri kejayaan orang-orang kita di bidang perniagaan dan usaha-usaha lain dengan mendapat bantuan serta tunjuk ajar daripada agensi-agensi Kerajaan yang sentiasa bersedia memberikan bantuan dan khidmat nasihat yang perlu. Kejayaan orang-orang kita ini baik sebagai pembuat roti atau pengusaha batik menunjukkan bahawa kita memang mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain dan hanya memerlukan kesediaan dan keazaman serta bantuan supaya potensi ini dapat dipupuk sehingga mencapai hasil yang dicita-citakan itu.

Kerajaan kita pada hari ini telah berbuat apa yang patut dalam usaha hendak memberikan kehidupan yang lebih baik dan kedudukan yang lebih sempurna kepada rakyat, khasnya orang-orang kita sendiri. Selain dari membuka rancangan-rancangan kemajuan tanah secara besar-besaran di dalam kawasan-kawasan pembangunan raksaksa iaitu di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah, Johor Tenggara, Seberang Perak, kita akan membawa industri ke kawasan-kawasan ini supaya dapat perimbangan antara sektor

pertanian dengan sektor perindustrian. Hari ini pun, bandar-bandar kecil yang dulunya tidak mempunyai apa-apa sedang bergerak maju dengan bermacam rupa perusahaan yang memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam pada kita menjalankan langkah-langkah untuk membawa kemajuan, kita tidak pula sunyi daripada masaalah-masaalah yang lazim dalam kehidupan moden. Hari ini kita menghadapi masaalah inflasi atau kenaikan harga barang-barang. Inflasi adalah masaalah seluruh dunia terutama disebabkan kekurangan bekalan bahan-bahan makanan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk dunia yang semakin ramai.

Syukur Alhamdulillah, meskipun kita bersama-sama mengalami keadaan inflasi ini, negara kita boleh dikatakan tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran apatah lagi negara-negara perindustrian di Eropah, Amerika dan bahagian benua Asia yang lain.

Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa bertindak dan mencari jalan untuk mengurangkan tekanan inflasi ini terutama kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan kaum tani. Selain daripada Elaun Bantuan Khas yang diberi kepada kakitangan Kerajaan peringkat bawahan, langkah-langkah yang lain dijalankan serentak iaitu subsidi untuk barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung dan minyak; bantuan buku-buku sekolah percuma kepada kanak-kanak dari keluarga miskin; pengecualian cukai ke atas beberapa jenis barang-barang impot yang mustahak; dan baru-baru ini saya mengumumkan subsidi baja urea kepada petani-petani untuk membantu pengeluaran padi dengan harga yang patut. Semua bantuan dan subsidi ini berjumlah tidak kurang dari \$500 juta ringgit setahun dan saya percaya tidak ada Kerajaan di mana-mana jua yang berbuat demikian.

Bagaimanapun, patutlah kita ingat semasa barang-barang impot naik tinggi itu, barang-barang pengeluaran kita sendiri mendapat harga yang lumayan di pasaran dunia. Harga getah, kelapa sawit, bijih timah dan lain-lain hasil bumi sangat tinggi pada masa ini yang bermakna pendapatan yang lebih kepada rakyat. Kita tahu ramai saudara-saudara di Rancangan Kemajuan Tanah yang beroleh pendapatan lebih \$1,000 sebulan hari ini yang mana

meletakkan mereka di kalangan rakyat yang berpendapatan tinggi sama seperti golongan pekerja mahir ataupun kumpulan executive di bandar-bandar.

Seperti yang sering saya tegaskan, Kerajaan akan sentiasa mengawal keadaan ini agar kehidupan rakyat terutama yang berpendapatan rendah tidak begitu terdesak oleh tekanan inflasi. Saya juga ingin mengulangi nasihat agar mereka juga mengambil langkah-langkah yang wajar membantu diri mereka sendiri dengan usaha bercucuk tanam dan mengadakan apa jua bekalan makanan dengan berternak dan usaha-usaha sambilan yang lain. Dasar Kerajaan mengenai bekalan makanan keperluan sudahpun diubah dan kita akan berusaha mengeluarkan beras secukupnya di samping bahan-bahan lain dan tidak bergantung pada impot lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi masalah besar yang kita hadapi ialah soal keselamatan dalam negeri khasnya ancaman pengganas-pengganas Komunis yang hendak menimbulkan huru-hara dan mengambil kekuasaan dengan cara kekerasan. Kita patut bersyukur keadaan ini tidaklah bertambah berat daripada sudah-sudah meskipun selama enam bulan yang lalu ini terdapat banyak aktiviti dan berita-berita pertempuran antara Pasukan Keselamatan kita dengan pengganas-pengganas itu. Bagaimanapun, keadaan adalah terkawal baik dan dalam tempoh itu kita berjaya mengenakan pukulan teruk ke atas mereka, menghapuskan bilangan yang besar dan mematahkan kekuatan mereka itu.

Seperti yang kita maklum, bahaya ancaman pengganas ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali sekiranya rakyat memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan. Mereka itu tentu tidak dapat bertapak kecuali ada orang-orang yang bersimpati dengan mereka dan memberi mereka bantuan maklumat dan bekalan makanan, ubat-ubatan dan sebagainya. Kerajaan mempunyai bukti yang nyata iaitu semasa Gerakan Indera di Raub tidak lama dulu, ada penduduk-penduduk kampung baru yang memberikan pengganas-pengganas itu bantuan dan menyembunyikan maklumat daripada Kerajaan. Begitu juga dalam peristiwa Lebu Raya Timur/Barat baru-baru ini ada golongan yang bersimpati dan bekerjasama dengan pengganas-pengganas itu hingga mereka berjaya melakukan angkara memusnahkan jentera-jentera berat di situ.

Saya ingin berkata terus terang di sini iaitu golongan rakyat yang membantu pengganas-pengganas itu adalah musuh negara yang paling keji dan sayugia disingkirkan dari masyarakat kita. Bahkan mereka adalah lebih jahat daripada pengganas itu sendiri kerana mereka berpura-pura baik tetapi berusaha merosakkan negara dari dalam masyarakat sendiri. Tindakan segera sedang diambil terhadap orang-orang ini kerana kita tahu tanpa mereka itu kegiatan-kegiatan pengganas-pengganas tadi akan lumpuh sama sekali. Mereka adalah musuh dalam selimut dan kita bukan hanya mesti berwaspada terhadap mereka bahkan hendaklah bersungguh-sungguh mengidentifikasi mereka dan mengambil tindakan yang keras terhadap mereka itu.

Kepada pengganas-pengganas itu, saya mengulangi seruan agar mereka menghentikan keganasan mereka dan perjuangan yang sia-sia serta hampa itu. Dalam pertemuan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung semasa lawatan ke Peking baru-baru ini, beliau telah berkata bahawa pengganas-pengganas ini adalah masalah Malaysia sendiri dan kita berhak mengambil apa juga tindakan untuk menghapuskan atau menyelesaikannya. Jadi baiklah mereka menghentikan perbuatan jahat yang merugikan negara dan kembali kepada masyarakat. Bagaimanapun, kalau mereka terus ingkar, Kerajaan berazam akan meneruskan tindakan habis-habisan untuk menghapuskan mereka dari bumi Malaysia ini.

Sehingga hari ini, Kerajaan telah membelanjakan lebih dari \$12,000 juta dari tahun 1971-1973 untuk pertahanan dan keselamatan iaitu Polis dan Tentera termasuk Gerakan atau Operasi. Bagi tahun 1974 ini dianggarkan tidak kurang dari \$5,300 juta iaitu kira-kira 20% daripada belanjawan negara. Sebahagian daripada perbelanjaan itu dapat dikurangkan dan digunakan untuk pembangunan sekiranya ancaman keselamatan negara dapat dihapuskan.

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini kita berada di mercu kejayaan yang boleh kita banggakan dalam bidang hubungan luar negeri. Hasil dari langkah-langkah yang telah kita jalankan, Malaysia mempunyai nama yang sangat harum serta menduduki tempat yang tertinggi di mata dunia internasional. Kemuncak dari usaha-usaha kita di bidang diplomatik ialah termeterinya hubungan rasmi antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina semasa lawatan saya ke Peking akhir bulan lalu.

Seperti yang pernah saya terangkan dahulu, hubungan luar negeri kita hari ini mempunyai tiga arah yang utama iaitu kerjasama serantau atau regional co-operation; kerjasama dengan negara-negara Islam oleh kerana kita adalah negara Islam; dan ketiganya, persahabatan yang luas atas dasar saling menghormati dan berbaik-baik tidak mengira sistem ekonomi/politik atau corak pentadbiran sesebuah negara itu.

Semenjak tahun 1970, semasa saya mengambil alih pimpinan negara, kita telah berusaha sungguh-sungguh mengamalkan politik bebas dan tidak terikat kepada mana-mana blok dunia sebagai anggota kumpulan negara-negara berkecuali. Penerimaan kita menyertai Non-Aligned Nations merupakan satu tapak kemajuan bagi kita kerana Malaysia terpilih antara negara-negara yang duduk dalam Jawatankuasa Tetapnya dan pernah mendapat penghormatan mengadakan Sidang Jawatankuasa itu dalam tahun 1972. Saya turut hadir dalam Persidangan Ketua-ketua Negara di Algeria tahun lalu di mana gagasan Malaysia menjadikan rantau Asia Tenggara ini Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali atau Deklarasi Kuala Lumpur mendapat sokongan yang kuat dan penuh.

Kegiatan dan usaha kita mendekati Negara-negara Islam bermula pada tahun 1970 semasa saya menghadiri Persidangan Jeddah untuk membentuk Sekretariat Islam. Kita bersyukur ke hadrat Allah, berkat usaha kita itu Persidangan memilih Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama iaitu satu penghormatan tinggi bagi rakyat dan negara kita. Kepercayaan dan penghormatan negara-negara Islam kepada kita jelas semasa saya menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore bulan Februari lalu yang memilih Kuala Lumpur sebagai tempat Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang baru saja selesai empat hari yang lalu.

Saudara-saudara sekalian tentu telah mengikuti perjalanan sidang tersebut dan saya amat gembira kerana program lima-mata yang kita kemukakan telah mendapat sambutan baik dan diterima penuh oleh negara-negara yang hadir. Kita boleh berbangga kerana pada keseluruhannya para Menteri yang datang itu memuji negara kita bukan sahaja dari aspek Persidangan dan program yang kita cadangkan, tetapi juga dalam aspek kesetabilan politik, kemakmuran dan kemajuan yang mereka saksikan sendiri di

Pesta Pembangunan serta dari lawatan mereka ke beberapa negeri iaitu Pahang, Kelantan, Melaka, Johor dan Pulau Pinang.

Tidak siapa yang boleh menafikan dengan berkat Allah usaha kita yang baik itu meletakkan mertabat Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam dan juga dunia internasional. Kalaupun kita mengeluarkan belanja untuk membiayai Persidangan itu, saya yakin dan percaya atas kebijaksanaan serta munafaat yang didapati dari langkah itu.

Begitu juga, saudara-saudara sekalian, mengenai langkah yang kita ambil untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Sebagai negara yang menjalankan politik bebas, langkah ini sangatlah penting dan mustahak bagi keamanan dan kesetabilan Negara kita dan juga rantau ini. Saya berbangga dengan sambutan yang meriah dan luar biasa yang diberi oleh Kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Cina. Ini adalah penghormatan yang tidak ternilai terhadap Malaysia dan rakyatnya.

Lawatan saya ke Peking mempunyai erti yang besar kepada kita oleh kerana dengan adanya hubungan diplomatik itu kita telah menemui persetujuan dengan Republik Rakyat Cina atas beberapa perkara pokok—soal dua kerakyatan atau dual nationality yang telahpun ditolak oleh RRC; soal Party Komunis Malaysia; dan soal-soal politik regional dan bilateral setakat yang berkaitan dengan RRC.

Dalam perbincangan saya dengan pemimpin-pemimpin RRC iaitu Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-Lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien dan lain-lain, nyata dan jelas hasrat RRC hendak berbaik-baik dengan kita atas dasar-dasar yang dipersetujui itu. RRC dengan tegas menolak prinsip dua-kerakyatan yang diamalkan selama ini dan secara tegas juga mensifatkan orang-orang keturunan Cina yang telah memilih kerakyatan Malaysia terputus hubungan sama sekali dengan negara nenek moyang mereka itu. Begitu juga mengenai orang-orang yang bermastautin tetap di Negara ini dan bukan warganegara Malaysia, jika mereka hendak menjadi rakyat Republik Rakyat Cina, RRC akan menerima mereka sebagai rakyatnya tetapi mereka ini mestilah patuh pada undang-undang Malaysia dan menghormati adat resam serta kebiasaan hidup rakyat Malaysia. Jadi bolehlah disimpulkan iaitu rakyat Malaysia dari keturunan Cina mestilah menumpukan taat setia mereka kepada negara ini dan mengamalkan cara hidup sebagai orang-orang Malaysia tulin.

Mengenai Parti Komunis Malaysia atau MCP, Pengerusi Mao tegas menyatakan bahawa ini adalah soal dalam negeri kita dan terpulanglah kepada kita mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka itu. Cina tidak campurtangan dalam hal ini dan menghormati semangat Communique Peking di mana kedua-dua negara menentang pencerobohan dan subversion dari mana-mana pihak.

Perdana Menteri Chou telah juga memberi sokongan kepada ASEAN dan gagasan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Begitu juga, beliau menyetujui berkenaan dengan hak perairan Malaysia-Indonesia di Selat Melaka dan akan menyokong tuntutan kita di Persidangan Undang-undang Laut yang sedang berlangsung sekarang di Caracas, Venezuela.

Saya percaya hasil-hasil dari lawatan saya dan hubungan diplomatik yang sudah terjalin dengan Republik Rakyat Cina itu akan menguntungkan kita di kedua-dua bidang politik antarabangsa dan juga perdagangan yang mana RRC bersedia membeli bahan-bahan mentah secara langsung daripada kita dan mereka akan membekalkan beras kalau kita menghendakinya. Dari segi tindakan kita terhadap MCP, seperti saya katakan tadi, ini tanggungjawab kita dan tidak kena mengena dengan RRC dan kita berharap pengganas-pengganas dan penyokong-penyokong mereka insaf akan hakikat ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya telah berucap agak panjang sedikit meliputi perkembangan-perkembangan politik dalam negeri khususnya Barisan Nasional, mengenai masalah-masalah dalam negeri kita dan perkembangan dalam perhubungan luar negeri, dan yang lebih penting perkara-perkara yang menyentuh Parti kita untuk menghadapi masa hadapan. Hari ini dan esok, kita akan menumpukan sepenuh perhatian kepada perkara-perkara yang penting ini dan mencari huraian mengenai masalah-masalah yang kita hadapi bersama-sama itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita dan memberikan kita taufik dan hidayahNya memimpin UMNO yang kita kasihi ini mencapai mercu kejayaan yang gemilang dalam memberikan perkhidmatannya kepada Bangsa, Negara dan Ugama Islam Yang Maha Suci.

Sekianlah sahaja. Saya ucapkan kepada para perwakilan selamat bersidang dan berjaya.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein berucap merasmikan Sidang Khas MIC di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 7hb Julai, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)